

TARIKH	20 / 2 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	21	RUANGAN	dlm Negeri

## Rawatan hemodialisis di 800 klinik kesihatan kerajaan

PUTRAJAYA 19 Feb. - Pesakit buah pinggang yang memerlukan rawatan hemodialisis tidak perlu lagi ke hospital awam atau swasta berikutan keputusan kerajaan untuk memperluaskan perkhidmatan itu di semua 800 klinik kesihatan seluruh negara mulai tahun ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai yang mengumumkan perkara itu berkata, keputusan tersebut dibuat bagi membolehkan lebih ramai pesakit menikmati rawatan tersebut, termasuklah mereka di luar bandar dan pedalaman.

Bagaimanapun, katanya, perkhidmatan itu tidak dapat dilaksanakan di Klinik Desa dan Klinik Malaysia memandangkan keluasan binaan klinik itu tidak sesuai untuk rawatan tersebut.

Rawatan hemodialisis juga, katanya, memerlukan doktor dan pakar serta pengasingan tempat untuk pesakit Hepatitis B, Hepatitis C dan HIV.

"Buat masa ini semua hospital kerajaan sudah mempunyai pusat rawatan hemodialisis dan sudah tiba masanya untuk perkhidmatan tersebut diperluaskan ke klinik kesihatan supaya lebih ramai pesakit dapat menggunakannya.

"Untuk permulaan kita akan memiliki klinik kesihatan yang berdekatan dengan hospital memandangkan rawatan tersebut memerlukan

khidmat pakar," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Penyerahan Mesin Hemodialisis oleh Tabung Haji (TH) di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengerusi TH, Tan Sri Abi Musa Asa'ari.

Pada majlis itu, TH menyerahkan 41 unit mesin hemodialisis yang kesemuanya bernilai RM1.68 juta dan akan diagihkan kepada 15 hospital di tujuh negeri iaitu Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan, Johor, Terengganu dan Kelantan.

Mengulas lanjut, Tiong Lai berkata, pihak beliau akan memohon peruntukan tambahan daripada Kementerian Kewangan bagi melaksanakan projek tersebut dalam tempoh terdekat ini.

"Setakat ini, katanya, klinik kesihatan di Simpang Renggam (Johor) telah mempunyai pusat hemodialisis manakala di Koding (Kedah) pula akan beroperasi hujung bulan ini.

"Kedua-dua klinik kesihatan itu menggunakan peruntukan sedia ada dan untuk yang lain, kita akan mohon peruntukan tambahan daripada Kementerian Kewangan," katanya.

Sementara itu, Tiong Lai berkata, kerajaan turut menggalakkan penggunaan rawatan *Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis* (CAPD) iaitu rawatan sendiri di rumah dengan menggunakan cecair.



ABI Musa Asa'ari (dua dari kiri) bersalaman dengan Liow Tiong Lai sambil menyerahkan sebuah mesin hemodialisis sebagai simbolik penyerahan 41 buah mesin pada Majlis Penyerahan Sumbangan Mesin Hemodialisis Tabung Haji kepada Kementerian Kesihatan di Hospital Putrajaya, semalam.